



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wanita diperdaya sindiket *Macau Scam*  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 3 June 2021

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 24

## Wanita diperdaya sindiket *Macau Scam*

**BUTTERWORTH:** Dua wanita menjadi mangsa diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Telekom Malaysia (TM) dalam dua kejadian berasingan di sini semalam yang mengakibatkan kerugian RM22,800.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, kes pertama melibatkan seorang kerani syarikat swasta berusia 55 tahun dari Mak Mandin dekat sini melibatkan kerugian sebanyak RM17,800.

Menurut beliau, mangsa pada mulanya menerima panggilan telefon individu yang menyamar sebagai wakil TM yang memaklumkan namanya telah digunakan bagi pendaftaran internet secara tidak sah.

Selepas menafikan perka-

ra itu tambahnya, panggilan mangsa disambungkan kepada individu lain yang mendakwa pegawai polis di Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Seremban.

“Wanita itu kemudian didakwa turut terlibat dengan kes penipuan wang haram dan akaunnya digunakan untuk menyimpan wang berkenaan.

“Mangsa kemudiannya mengikut arahan suspek untuk memindahkan wang miliknya ke dalam akaun bank yang diberikan kononnya bagi membersihkan namanya daripada rekod polis,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Sementara itu menurut Noorzainy, kes kedua pula melibatkan guru berusia 50 tahun yang terjerat dengan modus operandi sama yang digunakan sindiket Macau Scam terbabit



**NOORZAINY MOHD. NOOR**

melibatkan kerugian RM5,000. “Dalam kes ini, mangsa didakwa terlibat dengan sindiket judi online menerusi akaun telefon yang didaftarkan

menggunakan namanya.

“Ketika disambungkan kepada suspek yang menyamar sebagai polis, mangsa dimaklumkan pula terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan diminta menyerahkan nama dan kata laluan akaun perbankan internet,” katanya.

Tambahnya, mangsa yang panik memberikan maklumat akaun Bank Islam dan bertindak memindahkan RM5,000 daripada Tabung Haji (TH) ke akaun terbabit untuk diserahkan kepada polis bagi siasatan lanjut.

“Mangsa hanya sedar ditipu apabila mendapati wang terbabit telah dipindahkan ke akaun bank individu lain yang tidak dikenali,” katanya.

Tambahnya, kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.